

24/11/2003

Pemilihan jawatankuasa penaja proses kesinambungan

Kadir Dikoh

SENARAI jawatankuasa penaja bagi semua 191 bahagian diumumkan sebagai muktamad pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Sabtu lalu, bukanlah sesuatu yang mengejutkan meskipun ada kalangan tertentu yang memang terperanjat besar.

Antara yang menerima kejutan besar adalah Datuk Ibrahim Ali yang digugurkan daripada jawatan Ketua Bahagian Pasir Mas, disandangnya sejak 10 tahun lalu manakala yang lainnya `faham-fahamlah nasib sendiri`.

Hakikatnya, sekitar lebih 90 peratus ketua bahagian lama dikekalkan iaitu satu proses kesinambungan, dipercayai bagi mengurangkan impak minimum menjelang pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berpendapat senarai pelantikan ketua penaja itu adalah yang terbaik dapat dilakukan oleh parti pada masa ini, dan ahli perlu menerima serta menghormati keputusan dan patuh kepada disiplin parti.

"Meskipun tidak dapat bagi kepuasan kepada semua pihak, ini yang dapat kita lakukan. Saya ingin mengingatkan ahli supaya memberi tumpuan bagi memastikan kejayaan Umno pada masa depan," katanya.

Malah, mereka yang dilantik bagi mengetuai jawatankuasa penaja untuk 26 bahagian baru termasuk Putrajaya bukanlah diambil secara rambang. Sebaliknya mereka terdiri daripada pemimpin lama yang berpindah ke bahagian baru serta mereka yang mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

"Inilah prinsip yang kita gunakan dalam proses pemilihan jawatankuasa penaja iaitu memilih mereka yang sudah ada jawatan. Kira-kira 95 peratus jawatankuasa bahagian lama dikekalkan kecuali Kelantan membabitkan empat bahagian dan satu bahagian di Pulau Pinang," kata seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri dikatakan tidak menghadapi masalah untuk menerima senarai cadangan yang dikemukakan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Dengan itu, andaian sesetengah pihak sebelum ini bahawa proses terbabit akan memberi `keris Taming Sari` kepada pemimpin tertentu untuk mencantas ketua bahagian tertentu dan memilih `kawan sendiri`, juga tidak tepat.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata keputusan yang dibuat itu adalah secara konsensus dan tidak timbul soal ketua penaja itu berada dalam kem siapa.

"Keputusan itu dibuat untuk kebaikan parti dan orang Melayu. Tidak ada perkataan pilih kawan timbul," katanya.

Keseluruhannya, cuma lima ketua bahagian Umno digugurkan manakala dua lagi termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad berundur secara sukarela daripada senarai ketua penaja di 191 bahagian di seluruh negara.

Empat ketua bahagian di Kelantan yang digugurkan itu ialah Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Bachok), Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai) dan Tuan Hashim Tuan Yaakob (Kubang Kerian). Seorang lagi ketua bahagian yang digugurkan ialah dari bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad.

Dr Mahathir pula memberi laluan kepada timbalannya, Tan Sri Osman Aroff di Kubang Pasu manakala Tan Sri Mohamed Rahmat melepaskan jawatan kepada anaknya, Datuk Nur Jazlan yang juga Timbalan Ketua Bahagian Pulau.

Bagi Nur Jazlan, 37, yang juga seorang akauntan, ia bukanlah sesuatu dinasti kerana beliau memenangi jawatan timbalan ketua bahagian pada 2001

atas kehendak perwakilan.

"Saya menawarkan diri dan diterima oleh Umno Bahagian Pulai. Itu bukan isu ayah bagi jawatan kepada anak. Jika orang lain menjadi timbalan ketua bahagian pun, proses yang sama akan berlaku," katanya.

Katanya, sudah lama orang banyak bercakap mengenai proses peremajaan dalam Umno tetapi akhirnya Abdullah selaku Perdana Menteri dan Pemangku Presiden Umno yang melaksanakannya.

Selain Nur Jazlan, seorang lagi anak muda dibawa ke dalam jawatan kuasa penaja peringkat bahagian ialah Ketua Puteri, Datuk Azalina Othman yang dilantik selaku Naib ketua Bahagian Pengerang, kawasan baru.

Menurut Muhyiddin, Azalina dibawa balik ke negeri asalnya Johor kerana beliau tidak lagi menjadi Ketua Puteri selepas ini berikutan melebihi had umur selain kerana kecemerlangannya memimpin pergerakan itu.

Katanya, peguam muda itu layak menjadi ahli di Johor tetapi sama ada akan dipilih sebagai calon, terpulang kepada Abdullah.

Azalina sendiri tidak menjangka akan dilantik sebagai Naib Ketua Bahagian meskipun sebelum ini sudah menerima bayangan akan menduduki jawatankuasa Umno peringkat bahagian saja.

"Namun, saya rasa ini peluang saya untuk mendekati diri dengan masyarakat luar bandar dan memahami dengan lebih lanjut isu pengangguran, penghijrahan dan sektor pertanian kerana Pengerang adalah kawasan Felda.

"Sebab itu juga saya tertarik untuk bekerjasama lebih rapat dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) yang diketuai Tan Sri Rozali Ismail. Bila Puteri buat program di luar bandar sebelum ini, sambutannya amat baik," katanya.

Katanya, kepemimpinan Abdullah kini semakin mantap dan pemilihan mereka dalam jawatankuasa penaja juga menepati kata-kata Perdana Menteri sendiri yang mahu membawa generasi muda dan wanita.

Beliau berkata, pelantikan Datuk Halimah Mohd Sadique sebagai Ketua Umno Bahagian Tenggara adalah bukti Abdullah mengiktiraf wanita.

Bagaimanapun, Ibrahim terkejut besar apabila namanya digugurkan daripada senarai dan hanya mengetahui mengenai perkara itu apabila menonton siaran berita televisyen pada hari yang sama Sabtu lalu.

"Saya diganti oleh orang yang lebih tua daripada saya. Malah saya 'disembelih' dua hari sebelum raya. Apakah saya ini jahat sangat. Saya diberi mandat oleh ahli sebelum ini untuk memegang jawatan ketua bahagian dan sekarang tiba-tiba sudah tiada lagi jawatan," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, bagaimanapun berkata, sebenarnya perubahan di Kelantan mesti dilihat kepada usaha memantapkan parti, bukan menjurus kepada individu.

"Tak timbul isu siapa dibuang, siapa dilantik. Mereka yang digugurkan pula jangan berasa kecil hati kerana kita mesti tunjuk serius untuk menawan semula hati rakyat Kelantan.

"Saya tetap menghargai dan berterima kasih atas sumbangan bekas ketua bahagian itu kerana mereka telah merintis jalan ke arah kekuatan parti sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Muhammad yang juga Naib Presiden Umno bagaimanapun berkata, keputusan yang dibuat itu bukan mengambil kira kawan atau tidak kerana ia demi kepentingan parti.

Abdullah selaku Pemangku Presiden Umno ketika mengumumkan pelantikan jawatankuasa penaja berkenaan menegaskan bahawa senarai itu adalah muktamad dan tidak boleh dibantah.

Beliau berkata, tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang membuat bantahan kerana ia telah diserahkan kepada MT untuk membuat keputusan akhir.

"Saya harap mereka terima keputusan ini, kita telah putus selepas membuat kajian teliti, berfikir panjang dan bukannya secara cincai-cincai.

Perubahan tidak banyak, pada prinsipnya semua yang mempunyai jawatan dikekalkan kecuali di Kelantan yang memerlukan sedikit penyesuaian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT itu.

Perdana Menteri berkata, pemilihan menjadi ketua penaja tidak bermakna seseorang itu akan dipilih untuk menjadi calon parti dalam pilihan raya akan datang.

Mengenai Umno Kelantan, Abdullah berkata, beliau tidak mengharapkan penamaan ketua baru bagi menggantikan yang lama akan menyelesaikan semua pertelingkahan di kalangan ahli Umno negeri itu.

"Dari satu segi, kami cuma berharap kita boleh menunjukkan prestasi yang baik sedikit pada pilihan raya akan datang," katanya.

MT secara keseluruhannya mengekalkan muka lama, melantik 29 muka baru sebagai ketua, sebahagian besarnya untuk mengetuai 26 kawasan baru yang diwujudkan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Tiga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri iaitu Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Datuk Seri Adnan Yaakub dan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo masing-masing diberikan kepercayaan untuk mengetuai dua bahagian di negeri mereka.

Antara 29 muka baru ialah Datuk Mohamed Khaled Nordin di Tebrau, Datuk Nasir Safar di Tanjung Piai dan Halimah di Tenggara. Selain itu, Baharom Mohamad dilantik mengetuai jawatankuasa penaja Sekijang, Mohd Ismail Mohd Shah (Muar), Hamzah Ramli (Ayer Hitam), Harun Abdullah (Pengerang), Datuk Omar Fauza (Bukit Gelugor), Datuk Mohd Zain Omar (Bayan Baru), Datuk Seri Dr Ibrahim Saad (Batu Kawan).

Ismail Abu Bakar pula mengisi kekosongan ketua di Baling, Sharani Mohamad (Lenggong), Datuk Abdul Aziz Samsudin (Gopeng), Datuk Amihamzah Ahmad (Lipis) dan Datuk Mohd Hayani Abdul Rahman (Bera).

Muhammad selaku Naib Presiden Umno pula dipertanggungjawabkan untuk mengetuai bahagian Kelana Jaya, Datuk Noh Omar (Tanjung Karang), Datuk Mad Aris Mad Yusuf (Pandan), Datuk Mohd Zin Mohamed (Kota Raja), Datuk Zulkifly Rafique (Bukit Bintang), Datuk Zulhasnan Rafique (Setiawangsa), Hassim Rusdi (Rasah) dan Yaakob Mat Amin (Tangga Batu).

Muka-muka baru di Sabah ialah Tan Sri Pandikar Amin Mulia (Marudu), John Ambros (Penampang), Abdul Ghani Abdul Yassin (Pensiangan), Datuk Juhar Mahiruddin (Batu Sapi), Samsu Bahrun Abd Rahman (Silam) dan Datuk Taufik Abu Bakar Titingan (Tawau).

Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang sebelum ini mengetuai bahagian Tenggara pula berpindah ke kawasan baru, Sembrong.

Johor adalah negeri yang mendapat paling banyak kawasan baru iaitu enam, diikuti oleh Sabah dan Selangor yang masing-masing menerima lima kawasan baru, Pahang (tiga), Pulau Pinang (dua) manakala Perak, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing mendapat pertambahan satu kerusi Parlimen.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, bagaimanapun berkata, dengan selesainya pelantikan ketua penaja bahagian parti, ahli Umno kini diminta memberi tumpuan memperkuatkan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Setelah kita sahkan ketua penaja pada peringkat bahagian ini, kita bolehlah tumpukan keseluruhan tenaga kita untuk memenangi pilihan raya bagi pihak parti dan Barisan Nasional," katanya.